



**Nilai-nilai Murni
Amalan Kita**



Cetakan Pertama 2014

© Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Diterbitkan oleh:

Bahagian Dasar Kebudayaan
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan
Aras 4, No. 2, Menara 1,
Jalan P5/6, Presint 5,
62200 Putrajaya, Malaysia

Tel : +603 - 8000 8000

Faks : +603 - 8891 7100

Web : www.motac.gov.my

Reka Kreatif

Emel: mofacreation@gmail.com

Perpustakaan Negara Malaysia --- Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Nilai-nilai murni amalan kita

ISBN 978-983-3374-37-3

1. Civics, Malaysian. 2. Moral Education. 3. Ethnicity.

I. Malaysia. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

179

ISI KANDUNGAN

Seruan - YAB Perdana Menteri	i
Saranan – YB Menteri Pelancongan dan Kebudayaan	ii
Pengenalan	1
Matlamat	3
Nilai-Nilai Bersama	4
Teras Nilai-Nilai Murni	8
Amalan Nilai-nilai Murni	16
Institusi Kekeluargaan	16
Institusi Kemasyarakatan dan Masyarakat Umum	18
Institusi Pembelajaran	20
Institusi Perkhidmatan	21
Harapan	25
Rukun Negara	26
Kata Pujangga	28
Pantun	29



Seruan

YAB Perdana Menteri



DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HJ. ABDUL RAZAK

“Rakyat Malaysia perlu berdiri dengan akar yang teguh sebagai bangsa merdeka dan berdaulat serta mempunyai jati diri yang ampuh dengan berpegang kepada agama, adat warisan dan nilai-nilai murni”

(Sumber: Utusan Malaysia /11 Februari 2012)

Nilai-nilai Murni Amalan Kita

i

Saranan

YB Menteri Pelancongan
dan Kebudayaan



DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

“Pembangunan individu melalui amalan nilai-nilai murni akan mengarah kepada pembangunan negara kerana cara hidup masyarakat itu mencerminkan jati diri bangsa yang maju, berbudi, penyayang, menghormati, bijaksana dan pelbagai nilai baik”

(Sumber: Buku Nilai Bersama Dalam Amalan Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni, terbitan KPK)

PENGENALAN

Nilai-nilai murni merupakan amalan baik yang perlu ada pada setiap insan supaya segala tindakan dilihat tidak menyimpang daripada norma sosial yang dikehendaki dalam masyarakat. Nilai-nilai murni ini dapat melahirkan insan unggul demi merealisasikan misi nasional negara. Seajar dengan itu semua pihak perlu mengambil tanggungjawab bersama bagi menjadikan semua kategori masyarakat daripada peringkat kanak-kanak, belia, dewasa dan generasi tua, yang datang daripada pelbagai bidang/profesion, dapat menjadikan amalan nilai-nilai murni sebagai kewajiban dalam setiap urusan hidup.

Bangsa yang berbudi bahasa walaupun rakyatnya terdiri dari pelbagai kaum, etnik atau suku bangsa seperti di Malaysia ini boleh mengukuhkan lagi aspek-aspek keperibadian, perpaduan dan keseimbangan hidup antara fizikal dengan spiritualnya. Peradaban bangsa Malaysia boleh retak seandainya amalan murni budaya bangsa dipinggirkan. Hal ini mungkin sahaja terjadi sekiranya rakyat dalam keadaan tidak celik budaya.

Sebagai satu bangsa, rakyat Malaysia perlu kepada amalan etika yang luhur, budaya kerja cemerlang, adab dan adat terpuji, bukan terjerat dengan perlumbaan kehidupan moden demi kekayaan harta benda semata-mata, tetapi kosong jiwa, kosong tatasusila, dan tiada sopan santun. Masyarakat yang benar-benar maju perlu diukur daripada kekuatan ekonomi dan cemerlang budaya. Kemajuan itu ditandai sama oleh pemupukan nilai-nilai spiritual, sesuai dengan sifat kebudayaan yang lahiriah dan batiniah, berbentuk harta benda dan bukan harta benda. Dimensi ekonomi dan budaya perlu selari untuk menjadi bangsa kelas pertama.

Justeru, sebarang pembaharuan atau transformasi akan lebih bermakna sekiranya usaha pembangunan negara bangsa berada dalam suatu kesepaduan yang menyeluruh antara semua bidang. Kesepaduan itu tidak boleh meninggalkan aspek budi bahasa dan amalan nilai-nilai murni kerana kita semua perlu sedar akan signifikan nilai murni sebagai lambang keperibadian bangsa Malaysia.

MATLAMAT

- ◆ Mendedahkan dan menanam erti pelbagai nilai murni dan nilai budi bahasa;
- ◆ Menggalakkan penghayatan dan amalan nilai-nilai murni di kalangan anggota masyarakat; dan
- ◆ Sebagai intisari jati diri peribadi serta perilaku anggota masyarakat dalam kehidupan seharian.



NILAI-NILAI BERSAMA:

Sembilan (9) nilai di bawah merupakan nilai bersama masyarakat pribumi. Namun dalam teras dan falsafahnya nilai-nilai ini adalah landasan semua kaum di Malaysia yang bersifat supraetnik yang menyanjung pandangan hidup yang berimbang yang prihatin terhadap alam dan inginkan tamadun yang kukuh, adil, saksama dan sejahtera.

i. **Kerohanian**

Kerohanian ialah kesedaran tentang nilai-nilai dalam diri manusia yang mengimbangi kehidupan jasmaniah dan material. Kehidupan berimbang ini dapat membina sifat-sifat insani yang lebih sempurna.

ii. **Budi**

Budi mengungkapkan kehalusan, ketertiban, kecanggihan dan keanggunan budi bicara, budi pekerti dan budi bahasa dan akal budi yang hendaklah menjadi asas perhubungan antara warganegara Malaysia.

iii. **Muafakat**

Muafakat merujuk kepada proses mencapai keputusan bersama, tindakan bersama serta tanggungjawab bersama. Dalam masyarakat pribumi Malaysia, nilai ini terjelma dalam kejranaan, kerjasama dan gotong-royong, seperti terbayang dalam peribahasa seperti *aur dengan tebing dan berat sama dipukul, ringan sama dijinjing*.

iv. **Kemuliaan Ilmu**

Ilmu yang baik dan sikap memandang tinggi terhadap ilmu dijadikan teras pembinaan peribadi dan asas masyarakat. Budaya akaliah digalakkan, dibina dan dipupuk. Teknologi yang tumbuh daripada ilmu dipandang positif dan dapat membantu kehidupan manusia serta membina tamadun maju.

v. **Kesaksamaan**

Kesaksamaan merujuk kepada sikap menghargai taraf dan keperluan seseorang manusia dalam masyarakat dan negara. Oleh itu, kesaksamaan hendaklah menjadi ukuran dalam kehidupan harian, pembangunan ekonomi dan masyarakat.

vi. **Kesejahteraan**

Kesejahteraan merujuk kepada nilai peribadi dan masyarakat yang menggalakkan memupuk perhubungan dan sikap yang baik di antara anggota masyarakat dan warganegara.

Keamanan dan kesejahteraan, dalam maksud tiada perselisihan, peperangan dan perbalahan dalam keluarga, masyarakat dan negara disanjung tinggi kerana dengannya manusia berpeluang berkembang dan negara mencapai kemewahan, keadilan dan juga ketenangan.

vii. **Kesetiaan**

Dalam masyarakat yang utuh dan berkembang dan inginkan perkembangan yang berimbang dan subur kesetiaan selalu dituntut. Pendek kata kesetiaan dalam maksud mutakhir boleh diertikan sebagai sifat berbakti dan cintakan tanah air.

viii. **Kejujuran/ Tulus Ikhlas**

Masyarakat tradisional juga menuntut supaya anggotanya berhubung dengan anggota lainnya dengan rasa tulus ikhlas dan jujur. Sifat ini menumbuhkan masyarakat yang mantap, sejahtera di mana rakyatnya saling percaya-mempercayai dan hormat-menghormati.

ix. **Nilai Keindahan**

Keindahan ialah kesedaran tentang kesempurnaan alam ciptaan Tuhan yang sepatutnya menjadi sumber ilham segala bentuk seni, tindakan dan pemikiran manusia. Keseniaan ini bersifat unik, membantu mentakrif jati diri Malaysia serta dapat menyumbang kepada keseniaan dunia. Pandangan keindahan ini hendaklah menjadi ukuran dalam segala perancangan pembinaan fizikal dan pembangunan ekonomi dalam maksud tidak mencemar, merosak dan memusnah alam semulajadi. Keseniaan hendaklah berasaskan nilai-nilai akhlak.



TERAS NILAI-NILAI MURNI

1. Nilai-nilai murni dapat kita ertikan sebagai satu teras yang dijadikan asas oleh masyarakat untuk menilai, mengukur atau membuat pilihan serta keputusan terhadap sesuatu perkara, darjat, mutu, kualiti, taraf perilaku dan benda mengenai seseorang atau kelompok orang sebagai baik, berharga dan bernilai.
2. Konsep Nilai-nilai Murni tersebut terangkum di dalam prinsip kelima Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan. Prinsip ini jelas menekankan bahawa setiap warganegara harus menjaga tatasusila masing-masing dengan tidak menyinggung perasaan sesuatu golongan lain. Tingkah laku sopan juga mengandungi suatu darjah kesusilaan yang tinggi dalam kehidupan peribadi dan dalam kehidupan bermasyarakat.
3. Umumnya, nilai-nilai murni yang diterima diamalkan oleh masyarakat Malaysia yang merentasi individu, kekeluargaan, masyarakat dan kenegaraan adalah nilai-nilai sejagat yang dituntut oleh agama, kepercayaan, adat resam dan kebudayaan. Antara nilai-nilai murni yang universal tersebut adalah seperti berikut:

Amanah

- ◆ Menyadari hakikat bahawa tugas adalah amanah yang perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya;
- ◆ Menghindarkan dengan rela hati kepentingan diri daripada mengatasi kepentingan tugas; dan
- ◆ Menentukan tiada penyelewengan dalam tugas sama ada dari segi masa, kuasa, sumber wang dan peralatan serta tenaga kerja.

Tanggungjawab

- ◆ Menerima hakikat akauntabiliti akhir adalah terhadap Tuhan, di samping pekerjaan dan majikan;
- ◆ Melakukan tugas dengan kesedaran terhadap implikasi baik dan buruknya iaitu sentiasa waspada dan jujur;
- ◆ Bersedia berkhidmat dan menghulurkan bantuan bila-bila sahaja diperlukan;
- ◆ Bercita-cita untuk tidak mengkhianati kepentingan organisasi/institusi awam dalam menjalankan tugas; dan
- ◆ Bersedia menjaga maruah agama, bangsa dan negara.

Ikhlas

- ◆ Berhati mulia dalam melaksanakan tugas tanpa mengharapkan balasan daripada manusia;
- ◆ Mempunyai niat bertugas kerana Tuhan, kerana mencari rezeki yang halal serta mencari keredhaanNya; dan
- ◆ Mengikis sebarang unsur “kepentingan diri” dalam melaksanakan tugas sebagai satu pengisian amanah.

Benar

- ◆ Jujur dalam melaksanakan tanggungjawab;
- ◆ Bercakap benar dan menepati janji;
- ◆ Cermat dan berhemat dalam membuat keputusan;
- ◆ Bertindak berasaskan profesionalisme;
- ◆ Patuh dan setia dalam melaksanakan tugas; dan
- ◆ Sanggup menerima teguran dan nasihat.

Sederhana

- ◆ Menjamin keseimbangan equilibrium dalam diri dan tugas; dan
- ◆ Bersederhana dalam setiap amalan hidup, tindakan dan tingkah laku.

Tekun

- ◆ Berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kesempurnaan dalam tugas dan kehidupan;
- ◆ Rajin mempelajari ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan untuk membaiki taraf hidup; dan
- ◆ Berusaha gigih untuk menghasilkan kerja yang memuaskan sehingga mencapai tahap cemerlang.

Bersih

- ◆ Mengamalkan kebersihan hati dalam menjalankan tugas seharian;
- ◆ Mengamalkan kebersihan pakaian, bangunan dan alam sekitar sebagai satu cara hidup;
- ◆ Bersih dalam pemilikan harta dan perjalanan tugas;

- ◆ Membuat pertimbangan yang teliti dan adil dalam membuat keputusan; dan
- ◆ Menjauhi hawa nafsu dan emosi daripada mempengaruhi pekerjaan dan pemikiran dalam membuat keputusan.

Berdisiplin

- ◆ Mengetahui kepentingan dan mengutamakan yang lebih penting;
- ◆ Menilai tinggi masa dan janji;
- ◆ Mengamalkan cara bekerja yang kemas dan terancang; dan
- ◆ Mempunyai etika kerja dan profesionalisme yang tinggi.

Bekerjasama

- ◆ Mengamalkan sikap tolong-menolong dalam melaksanakan kerja;
- ◆ Sentiasa secara sukarela menyertai aktiviti-aktiviti organisasi sebagai sebahagian daripada usaha mempertingkatkan semangat kerjasama;
- ◆ Mengamalkan permuafakatan dalam semua perkara demi kepentingan bersama; dan

- ◆ Mengelakkan konflik atau pertembungan kepentingan berdasarkan peribadi mengorbankan kepentingan diri yang bercanggah dengan kepentingan organisasi, agama, bangsa dan negara.

Berperibadi Mulia

- ◆ Bermanis muka sepanjang masa;
- ◆ Bertimbang rasa dan bertolak ansur;
- ◆ Menghormati sesama insan; dan
- ◆ Sentiasa memulakan “pertanyaan” dengan tujuan untuk menolong.

Bersyukur

- ◆ Bersyukur kerana dapat melaksanakan tugas untuk menjamin kesejahteraan hidup sebagai seorang anggota masyarakat;
- ◆ Berkhidmat sebagai ibadah, tidak berbangga dengan kedudukan dan pangkat; dan
- ◆ Tidak membazirkan perbelanjaan untuk perkara yang sia-sia.

Bermuafakat

- ◆ “Muafakat Membawa Berkat.” Itulah slogan yang harus dipegang oleh setiap rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Dengan adanya amalan muafakat sesama manusia, akan mengeratkan lagi perpaduan yang telah lama terjalin.

Bertoleransi

- ◆ Sikap toleransi sesama kaum merupakan tunjang utama kepada keharmonian dan kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat.

Bertimbang Rasa

- ◆ Perasaan bertimbang rasa adalah sebahagian daripada sikap terpuji tanpa mengira perbezaan latar belakang sesuatu kaum.

Bersatu Padu

- ◆ Pengalaman berterusan nilai-nilai murni akan membawa kepada kesepaduan dalam kehidupan bermasyarakat.

Beretika

- ◆ Semangat beretika akan lahir kepada setiap individu sekiranya mereka mempunyai nilai budi pekerti yang tinggi.

Tidak Mementingkan Diri Sendiri

- ◆ Seseorang yang kaya dengan budi pekerti dan teguh dengan amalan nilai-nilai murni tidak akan mementingkan diri sendiri.

Tiada Perasaan Curiga/Syak Wasangka

- ◆ Perasaan curiga/syak wasangka tidak akan mudah wujud dalam setiap individu yang mempunyai nilai-nilai murni.



AMALAN NILAI-NILAI MURNI

Amalan dan penerapan nilai-nilai murni sama ada dalam komunikasi, ucapan, pertuturan atau panggilan, perlakuan atau pergaulan dapat dipraktikkan dalam:

- ◆ Institusi Kekeluargaan
- ◆ Institusi Kemasyarakatan
- ◆ Institusi Pembelajaran
- ◆ Institusi Perkhidmatan

INSTITUSI KEKELUARGAAN

Antara Ibu Bapa – Anak-anak – Ibu Bapa

Ibu bapa wajib mendidik, membimbing dan menegur anak-anak supaya bertutur dengan baik dan betul serta mempunyai kelakuan terpuji. Antaranya:

- ◆ Patuh, taat, hormat dan menyayangi mereka;
- ◆ Menghormati orang lain, menghargai alam sekitar, tumbuh-tumbuhan dan haiwan;
- ◆ Beradab, bertingkah laku sopan dan tertib dalam semua keadaan;

- ◆ Menjaga kebersihan diri, pakaian dan persekitaran.

Antara Adik-Beradik

Hubungan antara adik-beradik adalah disusun oleh aturan kelahiran daripada sulung kepada tengah dan bongsu. Yang muda mesti menghormati yang tua, adik menghormati kakak dan abang dengan memanggil secara baik gelaran atau pangkat yang lazimkan dalam masyarakat. Antaranya ialah:

- ◆ Gelaran “Abang Long”, “Abang Ngah”, “Kak Cik” atau sebagainya.
- ◆ Pergaulan dan kelakuan antara adik-beradik perlulah dengan sopan dan santun; dan
- ◆ Rasa hormat dan menghormati, setiakawan dan saling membantu.

Antara Saudara-Mara

Hubungan darah dan perkahwinan dengan saudara-mara sebelah ibu dan bapa, mertua dan ipar dan sebagainya hendaklah berasaskan rasa hormat, sopan santun melalui tegur sapa dan panggilan pangkat mereka.

- ◆ Komunikasi dan pergaulan antara saudara

mara juga harus berasaskan rasa hormat, sopan dan santun; dan

- ◆ Kunjung-mengunjung antara saudara-mara adalah amat baik dan dapat merapatkan hubungan silaturrahim.

INSTITUSI KEMASYARAKATAN DAN MASYARAKAT UMUM

Generasi Tua Dengan Yang Muda

Hubungan antara yang tua dengan yang muda sentiasa berada dalam suasana hormat menghormati, sayang-menyayangi dan bertatasusila. Antaranya ialah:

- ◆ Mendahulukan yang tua;
- ◆ Bertegur sapa dengan panggilan “Pakcik” atau “Makcik,” “Abang” atau “Kakak” atau “Adik” jika lebih muda;
- ◆ Bertutur, bercakap atau berbual dengan nada suara yang lembut, bersopan dan rendah diri;
- ◆ Tidak berjenaka sesuka hati, memerli atau memandang rendah, membantah dan bermegah-megah; dan

- ◆ Yang muda diberi peluang untuk memberi pendapat atau pandangan.

Pemimpin Masyarakat dan Orang Awam

Hidup bermasyarakat memerlukan tutur kata yang sopan, sikap yang halus dan berpekerti mulia. Antaranya ialah:

- ◆ Menghormati seseorang yang dipilih menjadi pemimpin;
- ◆ Menyokong pemimpin kita untuk menjayakan apa saja rancangan dan tindakan untuk kebajikan bersama;
- ◆ Bekerja bersama-sama, bermuafakat dan berunding;
- ◆ Semangat bergotong-royong; dan
- ◆ Pemimpin yang murah hati dan sikap sentiasa membimbing dan membantu.

Masyarakat Umum

Anggota masyarakat yang berbudi adalah orang yang menunjukkan perangai, kelakuan serta peribadi yang baik dan sentiasa menjaga dirinya daripada segala macam kelakuan buruk yang tidak disetujui oleh masyarakat. Antaranya ialah:

- ◆ Memberi bantuan terutama kepada warga

tua, warga istimewa, wanita dan kanak-kanak;

- ◆ Sentiasa beratur di kaunter bayaran dan mendapatkan perkhidmatan atau menaiki bas dan sebagainya;
- ◆ Bertimbang rasa, sabar dan baik hati; dan
- ◆ Mengelak daripada melakukan kekotoran dan membuang sampah.

INSTITUSI PEMBELAJARAN

Antara Guru – Pelajar – Guru

Guru mendidik murid-murid termasuklah nilai-nilai murni dan akhlak untuk berkelakuan baik teratur dan sejahtera. Antaranya ialah:

- ◆ Berdisiplin;
- ◆ Bertegur sapa dengan penuh hormat dan bersopan santun. Membiasakan diri mengucapkan “Selamat Pagi”, “Assalamualaikum”, “terima kasih”, “memohon maaf” dan sebagainya;
- ◆ Menggunakan bahasa (kata) yang sopan dan beradab;
- ◆ Berani mengakui kesalahan yang dilakukan serta bersedia untuk memohon maaf;

- ◆ Mentaati jadual sekolah dengan mengikuti waktu persekolahan dan tidak ponteng; dan
- ◆ Menjaga kesihatan dan kebersihan.

Antara Pelajar – Pelajar – Rakan Sebaya

Saling menghormati sesama rakan sebaya.

Antara nilai-nilai murni yang perlu diperlakukan ialah:

- ◆ Membiasakan diri mengucapkan salam atau ucap selamat;
- ◆ Menghargai perbezaan beragama, latar belakang dan budaya masyarakat masing-masing;
- ◆ Menghargai idea, pendapat serta hak milik rakan sebaya; dan
- ◆ Saling bantu-membantu dan bekerjasama sesama rakan sebaya.

INSTITUSI PERKHIDMATAN

Antara Ketua – Anggota Yang Dipimpin – Ketua

Layanan baik dan berbudi oleh ketua terhadap kakitangan bawahan akan menimbulkan rasa

mesra dan mendorong semua kakitangan berusaha keras untuk membantu ketua mencapai matlamat organisasi. Antaranya ialah:

- ◆ Sikap murah hati, menunjuk ajar dan teladan yang baik;
- ◆ Berhemah dan memberi teguran secara tertib;
- ◆ Adil dan saksama;
- ◆ Mematuhi undang-undang, prosedur, peraturan dan arahan; dan
- ◆ Sentiasa menepati masa.

Antara Rakan Sekerja

Sesama rakan sekerja perlulah menunjukkan budi pekerti yang mulia, bahasa yang halus serta bertimbang rasa, akan sentiasa menarik rakan sekerja untuk bersama menjalankan kerja yang bermutu, membina kesatuan organisasi dan juga mencapai matlamat dan misi organisasi.

Antaranya ialah:

- ◆ Saling hormat-menghormati, setia kawan yang kukuh dan bersopan-santun;
- ◆ Bantu-membantu dan bermuafakat;

- ◆ Nasihat-menasihati, memberi teguran dan tunjuk ajar; dan
- ◆ Mematuhi arahan, peraturan dan undang-undang.

Antara Organisasi Dengan Pelanggan

Anggota perkhidmatan yang berkhidmat di kaunter-kaunter barisan hadapan dan perkhidmatan telefonis menjadi cerminan kepada keseluruhan organisasi yang diwakilinya. Pelanggan akan merasa senang apabila menerima perkhidmatan seperti berikut:

- ◆ Penuh beradab dengan tutur kata yang sopan, lembut, terang dan jelas, mesra dan sentiasa ingin membantu;
- ◆ Adil dan saksama;
- ◆ Sentiasa memberi ucapan salam atau selamat dan berterima kasih serta memohon maaf;
- ◆ Jangan membiarkan pelanggan menunggu panggilan telefon lebih daripada 30 saat; dan
- ◆ Bersedia membantu tanpa diminta.

Peranan Pelanggan

Seorang pelanggan yang ingin berurusan untuk mendapatkan perkhidmatan dengan pihak kerajaan atau swasta hendaklah mempunyai etika dan adab seperti berikut:

- ◆ Berpakaian kemas, menghormati peraturan dan tanda-tanda larangan;
- ◆ Memberi salam atau ucapan selamat sebelum menjalankan sebarang urusan;
- ◆ Bertutur dengan bahasa yang baik dan sopan santun; dan
- ◆ Memberi ucapan terima kasih apabila selesai berurusan dengan pihak pejabat.

HARAPAN

Adalah menjadi harapan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan agar buku ini dapat meningkatkan tahap pemahaman, kesedaran dan pengamalan masyarakat Malaysia terhadap Amalan Nilai-nilai Murni. Kementerian kini merancang pelbagai sinergi baru ke arah menyemarakkan lagi Kempen Nilai-nilai Murni.

Kerjasama, komitmen yang tinggi dan usaha bersungguh-sungguh daripada semua pihak terutamanya ibu bapa, keluarga, komuniti setempat, agensi kerajaan, agensi swasta, pertubuhan sukarela bukan kerajaan, pihak sekolah, institusi-institusi pengajian tinggi dan orang perseorangan adalah penting bagi menjayakan usaha murni ini.

Dengan berpegang kuat kepada nilai-nilai murni, rakyat Malaysia sudah pasti akan mampu menangani cabaran persekitaran global tanpa mengorbankan jati diri dan warisan budaya.

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA

Mendukung cita-cita hendak:

- ◆ Mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;
- ◆ Memelihara satu cara hidup demokratik;
- ◆ Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- ◆ Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak; dan
- ◆ Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

Ikrar

MAKA KAMI, Rakyat Malaysia berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- ◆ Kepercayaan Kepada Tuhan
- ◆ Kesetiaan Kepada Raja dan Negara
- ◆ Keluhuran Perlembagaan
- ◆ Kedaulatan Undang-undang
- ◆ Kesopanan dan Kesusilaan

Atas nilai kesopanan dan kesusilaan inilah kita meneguhkan peribadi dan menegakkan jati diri bangsa Malaysia melalui nilai-nilai murni amalan kita.



Kata Pujangga

Kecantikan yang abadi terletak pada keelokkan adab dan ketinggian ilmu seseorang, bukan terletak pada wajah dan pakaiannya.

(Hamka)

*Kita boleh ramah, tapi pantang berkasar.
Kita boleh marah, tapi ketawalah, dan
jangan kehilangan senyum.*

(Arena Wati)

*Berupaya dalam semua keadaan
untuk mengamalkan lima perkara
yang terkandung di dalam pencapaian
kesempurnaan kebenaran iaitu kepentingan,
kemurahan hati, keikhlasan, kesungguhan
dan kebaikan.*

(Confucius)

*Punca-punca Keganasan: Kekayaan tanpa
usaha, Keseronokan tanpa sedar, Ilmu tanpa
budi pekerti, Perdagangan tanpa moral,
Sains tanpa kemanusiaan, Pengabdian tanpa
pengorbanan. Politik tanpa prinsip.*

(Mahatma Gandhi)

Pantun

*Orang menanam ubi
Kita menembak rusa
Orang suka berbudi
Kita menerima jasa*

*Kok rebut tunduklah padi
Padi cupak Dato' Temenggung
Kalau hidup tidak berbudi
Berdiri tegak duduknya condong*

*Jangan disalai ciku kedondong
Selailah ikan atas para
Jangan salahkan ibu mengandung
Salahkan badan yang buruk pinta*

*Kalau galah ia mencapai buah
Kalau jambatan ia membawa ke seberang
Kalau keris tuanku membawa
Kalau biduk tuanku menjadi kiambang*

*Sumber: Buku alam Terbentang Menjadi Guru-Koleksi Ucapan
YB Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, 2008*